



Jawapan



Jawapan Praktis Ekstra Bab 1

1. Sistem mekanikal

Komponen : Dram, takal, tali sawat.

Fungsi : Menghasilkan putaran pada dram ketika mencuci pakaian.

Sistem elektronik

Komponen : Kapasitor dan diod pada papan litar tercetak.

Fungsi : Butang pada panel kawalan digunakan untuk memberikan arahan seperti *ON/OFF*, *START*, *PAUSE*, dan sebagainya.

Sistem elektrik

Komponen : Motor AU, pengubah.

Fungsi : Membekalkan tenaga elektrik kepada sistem kawalan motor dan motor AU.

Sistem kawalan dan pengaturcaraan

Komponen : Papan mikropengawal

Fungsi : Mikropengawal diatur cara untuk menghasilkan tindakan kawalan terhadap sistem elektrik, elektronik, dan mekanikal dalam mesin basuh.



Jawapan Praktis Ekstra Bab 2

1.

BORANG KAJIAN KEPERLUAN PELANGGAN	
BAHAGIAN A : MAKLUMAT PELANGGAN	
Nama : ROSLAN BIN MANSOR	
Jantina: LELAKI	Umur: 15 TAHUN
Pekerjaan: MURID	Pendapatan: TIADA
BAHAGIAN B : LATAR BELAKANG PRODUK	
Nama	Kipas kertas.
Fungsi	(a) Menghasilkan angin. (b) Menyejukkan badan.
Kelemahan produk	(a) Memerlukan tenaga yang banyak. (b) Bahagian pemegang dan badan mudah patah. (c) Angin yang dihasilkan perlahan.
BAHAGIAN C: PENAMBAHBAIKAN	
Apakah penambahbaikan yang perlu ada pada produk yang akan dihasilkan.	(a) Kipas yang bergerak bukan secara manual. (b) Rupa bentuk yang menarik. (c) Angin yang dihasilkan lebih kuat.

(Terima jawapan murid yang relevan)

2.

Borang Projek Brief	
Tajuk:	
Kriteria Pertimbangan Utama	Catatan
Fungsi 1. Apakah kegunaan produk ini? 2. Di manakah produk ini digunakan?	1. Menghasilkan angin yang lebih kuat untuk menyejukkan badan. 2. Di sekolah, pejabat dan di mana-mana sahaja.
Persembahan 1. Bagaimanakah cara produk ini dipersembahkan?	Ringkas, menarik, dan mesra pengguna.
Tujuan pasaran 1. Siapakah yang akan menggunakannya? 2. Siapakah pesaing yang wujud? 3. Pengguna bagaimanakah yang akan menggunakan produk ini?	1. Murid dan pekerja di pejabat. 2. Ada pesaing. 3. Murid yang kreatif.
Kuantiti 1. Berapakah jumlah yang diperlukan?	100 unit
Stail/gaya 1. Bagaimanakah reka bentuk produk ini? 2. Adakah reka bentuk ini akan mendapat perhatian di pasaran?	1. Menarik, futuristik, ergonomik. 2. Ya.
Kualiti 1. Bagaimanakah kualitinya? 2. Adakah pelanggan mempunyai sebarang permintaan yang istimewa? 3. Apakah piawaian kualiti yang perlu dipatuhi?	1. Berkualiti dan tahan. 2. Murah dan mesra pengguna. 3. Selamat digunakan.
Kos 1. Berapakah kos untuk menghasilkan satu unit produk? 2. Apakah tahap keuntungan yang dikehendaki? 3. Berapakah anggaran kos terakhir?	1. RM12.00 2. 50% 3. RM18.00
Jangka masa 1. Bilakah pelanggan ingin projek ini disiapkan? 2. Apakah produk sampingan yang perlu siap dalam jangka masa yang sama?	1. 15 hari. 2. Bahagian kipas.

(Terima jawapan murid yang relevan)



Jawapan Praktis Ekstra Bab 3

- Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
 - Kasut A berfungsi untuk bermain bola, manakala kasut B pula untuk bersiar atau berjalan. Tapak kasut A direka bertujuan untuk memberi cengkaman semasa bermain bola agar pemain tidak jatuh dan senang untuk berlari.

2.

C
A
B